

14/09/2003

Pengharaman filem ganas di pawagam, televisyen

SEREMBAN: Kementerian Penerangan akan mengharamkan penayangan drama atau filem asing di pawagam dan televisyen yang memaparkan aksi ganas dan seks yang keterlaluan.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Donald Lim Siang Chai, berkata tindakan itu berikutan kes jenayah termasuk pembunuhan yang dilakukan kanak-kanak dan remaja bawah umur, semakin meningkat dan membimbangkan.

Beliau berkata, Kabinet sudah mengarahkan pihaknya memantau drama dan filem asing yang diimport, supaya mematuhi garis panduan yang ditetapkan dan sesuai dengan budaya dan adat resam kehidupan masyarakat negara ini.

"Drama atau filem import yang memaparkan aksi ganas dan seksi keterlaluan itu jelas memberi kesan dan pengaruh negatif kepada kanak-kanak dan remaja bawah umur terbabit dalam kegiatan jenayah.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad jelas bimbang dengan senario itu kerana sebelum ini, kes jenayah hanya membabitkan orang dewasa tetapi kini turut dilakukan kanak-kanak dan remaja bawah umur.

"Sehubungan itu, Kabinet mengarahkan kementerian memantau drama atau filem yang diimport, supaya sesuai dengan budaya dan adat resam masyarakat negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan 'Malam Kanak-Kanak Berbakat Negeri Sembilan dan Astro' sempena Pesta Kebudayaan Cina Malaysia Ke-20 di Sekolah Menengah Chung Hwa, di sini, malam kelmarin.

Donald Lim berkata, pihaknya akan mengadakan pertemuan sebulan sekali dengan pemilik stesen televisyen dan pawagam bagi memastikan filem yang ditayangkan mematuhi garis panduan yang ditetapkan kementerian.

"Kita berharap pemilik stesen televisyen dan pawagam termasuk penerbit dan produser filem termasuk tempatan, bekerjasama dengan kementerian," katanya.

Lim berkata, kerajaan juga mahukan stesen televisyen mengurangkan penayangan drama atau filem import sebaliknya lebih mengutamakan drama atau filem tempatan.

Katanya, kira-kira 70 peratus drama atau filem yang ditayangkan di televisyen ketika ini adalah diimport dan berharap kadar itu dapat dikurangkan kira-kira 20 peratus sebelum akhir tahun ini.

"Sehubungan itu, penerbit dan produser drama dan filem tempatan perlu kreatif dalam menghasilkan drama atau filem bermutu bagi menggantikan drama atau filem import.

"Kementerian akan memanggil mereka (penerbit dan produser tempatan) berbincang dalam tempoh terdekat bagi merumuskan formula terbaik dalam menghasilkan drama dan filem bermutu serta berkualiti.

"Ini perlu bagi memastikan drama dan filem yang dihasilkan mereka boleh dieksport ke luar negara bagi mendapatkan lebih banyak pendapatan kepada negara," katanya.